

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

PLG 401 - Perkembangan dan Penguasaan
Kemahiran Berbahasa dan Matematik

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian yang baru.

Bahagian A : (Jawab kedua-dua soalan).

1. a) Secara ringkas, huraikan halangan-halangan terhadap pemikiran logik di kalangan kanak-kanak.
b) Jelaskan kepentingan "kemahiran membilang" dalam perkembangan konsep nombor bagi seseorang kanak-kanak.

(25 markah)

2. Berikut ialah huraian yang diberi dalam Sukatan Pelajaran Sains Rendah tahun 4 bagi menggambarkan saiz bumi dengan membandingkan ukuran keliling bumi kepada sesuatu objek,

"Sekiranya semua kereta Proton Saga di Malaysia diatur dalam satu barisan di sekeliling bumi, hanya sebahagian kecil permukaan bumi akan diliputi".

(PPK, 1995 m.s. 25)

Bincangkan bagaimanakah penguasaan konservasi kuantiti boleh membantu murid-murid memahami konsep yang terlibat dalam huraian di atas.

(25 markah)

...2/-

Bahagian B : (Jawab DUA (2) soalan sahaja.)

3. Pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah rendah adalah menekankan penguasaan kemahiran-kemahiran

- i) berbahasa (mendengar dan bertutur)
- ii) membaca
- iii) menulis

Pilih salah satu kemahiran-kemahiran tersebut dan rancangkan satu program untuk pencapaiannya. (25 markah)

4. Bincangkan perbezaan pendapat di antara golongan "Nature-Nurture Views" dengan golongan "A Social-Personal View" mengenai bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa.

(25 markah)

5. "Dalam program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah rendah, pendedahan (exposure) dan pengukuhan (reinforcement) adalah perlu bagi mencapai matlamat. Apa pendapat anda?

(25 markah)

6. "Berkomunikasi tidak sahaja dilihat dari aspek lisan sahaja tetapi juga dari aspek tulisan".

Bincangkan pendapat tersebut dengan merujuk kepada suasana program bahasa di sekolah rendah.

(25 markah)